

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]**

SOALAN

YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah Kementerian ada menambah insentif / kadar khas kepada pesara dan warga emas untuk menggalakkan mereka menginap di hotel / homestay dengan kadar yang lebih murah pasca PKPP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa menyokong sebarang usaha untuk mewujudkan insentif atau kadar khas kepada pesara dan warga emas oleh pengusaha Homestay untuk menggalakkan mereka menginap di hotel atau homestay yang berdaftar dengan MOTAC pada kadar yang lebih murah pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga bilik hotel dan pakej percutian tidak ditentukan atau dikawal oleh Kerajaan, tetapi ia adalah bergantung sepenuhnya kepada kuasa pasaran. Walaubagaimanapun, Kementerian sentiasa menyokong usaha-usaha positif yang diambil oleh penggiat industri seperti membantu dalam menghebahkan promosi-promosi yang ditawarkan melalui medium Kementerian. Sekian, terima kasih.